

BAB SATU

BAB SATU

PENGERTIAN DAN HUKUM *MUT'AH*

1.1 PENDAHULUAN

Perceraian adalah sesuatu yang sangat tidak digalakkan bahkan ia di anggap sebagai sebagai perkara halal yang sangat di benci oleh Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, untuk menghindari kesukaran yang timbul dan tidak memudaratkan pihak-pihak yang terlibat, maka, syariat Islam mengharuskan seseorang suami menceraikan (*ṭalāq*) isterinya itu. Demikian juga jika isteri berasa amat benci kepada suaminya, bolehlah dia bertindak dengan cara *fasakh*¹ atau pun *khul'*². Di Malaysia, *khul'* dikenali juga sebagai tebus *ṭalāq*.

Agama Islam membuka jalan keluar kepada kedua-duanya agar dapat memperbaiki keadaan hidup dengan memilih pasangan yang lebih sesuai. Walau bagaimanapun, ia merupakan pilihan terakhir setelah segala usaha mendamaikan pasangan yang bertelingkah menemui kegagalan. Pada tahap ini, perceraian adalah lebih baik daripada menderita hidup di alam

rumah tangga yang tidak bahagia. Sekurang-kurangnya, hasil daripada perceraian tersebut, mereka dapat membina kehidupan baru dengan lebih baik menerusi perkahwinan yang lain. Kebahagiaan mungkin boleh muncul melalui perkahwinan yang seterusnya terutama jika perkahwinan sebelum itu tidak menghasilkan zuriat³.

Biarpun begitu, ini tidaklah bermakna perceraian boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Bagi memastikan tidak berlaku penganiayaan terutamanya terhadap wanita dan untuk memastikan keadilan tercapai, Islam telah menggariskan peraturan-peraturan tertentu yang wajib dipatuhi. Beberapa peraturan yang dimaksudkan disini ialah mengenai perkara-perkara berbangkit dengan sebab terbubarnya perkahwinan. Di antara perkara-perkara tersebut ialah maskahwin (jika berhutang), *nafkah 'iddah* isteri, nafkah anak kandung, hak tempat tinggal, *ḥadānah*, harta sepencarian, dan *mut'ah*.

Sebelum adanya Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam bagi negeri-negeri di Malaysia, *mut'ah* tidak begitu diperkatakan, walaupun ia merupakan salah satu daripada hak yang diperolehi wanita selepas perceraian. Fenomena ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti jumlah kes yang tidak banyak⁴, nilai *mut'ah* yang agak rendah diperintahkan dalam kebanyakan kes-kes di Malaysia,⁵ terdapat tuntutan harta yang lebih menarik iaitu tuntutan yang berkaitan dengan harta sepencarian⁶ dan kurang

ilmu pengetahuan dalam bidang agama. Selain itu, ia tidak dibincangkan secara panjang lebar dengan harapan, dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang terlibat secara baik (*ṣulh*) di luar mahkamah.

Namun, semenjak kebelakangan ini, persoalan mengenai tuntutan *mut'ah* mula mendapat perhatian. Masyarakat awam semakin tertarik untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam. Situasi ini terjadi mungkin disebabkan oleh perubahan-perubahan tertentu seperti kadar kekerapan perceraian yang tinggi, tuntutan kadar *mut'ah* yang semakin tinggi, peruntukan *mut'ah* sama ada di dalam enakmen atau akta undang-undang keluarga Islam yang semakin jelas, masyarakat lebih berpendidikan, berfikiran terbuka serta mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih baik dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, meningkatnya kes-kes perceraian adalah di kenal pasti sebagai faktor paling utama sebagai penyebab khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat dan amnya kepada masyarakat awam untuk memahami *mut'ah* dengan lebih lanjut serta bagaimana prosedur tuntutananya di Mahkamah Syariah dijalankan. (Lihat bab empat dan lima)

1.2 PENGERTIAN *MUT'AH* DARI SEGI BAHASA

Dari segi bahasa *Mut'ah* ialah nama sejumlah harta yang harus diberikan oleh seseorang suami kepada isterinya yang diceraikan⁷. *Mut'ah*

berasal daripada perkataan *mata'*, *mutu'*, *matu'*, *mata'a*, *tamti'*, *imta'*, *tamattu'* dan *istimta'*⁸. *Mut'ah* bererti mengalami sesuatu yang mengembirakan (*enjoy, have the usufruct*), *mutu'/matu'* iaitu murah hati atau dermawan (*be generous, liberal*), *tamti'* bermaksud bersuka ria dengan sesuatu iaitu bergembira dengan pemberian daripada suami kepada isteri yang diceraikan (*allow one the enjoyment or usufruct of; give a dowry to a divorced wife*), *imta'* bererti bergembira dengan hartanya, *tamattu'* bererti sesuatu yang sangat menyenangkan, dan *istimta'* pula bererti ingin menikmati sesuatu, bersenang-senang antara lelaki dan perempuan (suami isteri) di luar hubungan seksual⁹.

Manakala, menurut Ibn al-Manzūr dalam kitāb Lisān al-'Arab, *mut'ah* adalah kata terbitan (maṣḍar) daripada kalimah *mata'a*, *yamta'u* dan *mut'an* yang bermaksud membawa pergi sesuatu, barang yang menyenangkan, kesenangan atau kenikmatan¹⁰.

Beberapa orang tokoh sarjana Islam yang lain juga turut memberikan takrifan yang hampir serupa pengertiannya seperti yang telah dinyatakan itu tadi. Umpamanya al-Bustānī, mentakrifkan *mut'ah* sebagai sesuatu yang boleh di ambil manfaat dengannya sama ada banyak atau sedikit kecuali emas dan perak¹¹. Manakala al-Fayyūmī dan al-Zuhaylī mendefinisikan *mut'ah* sebagai setiap apa yang boleh dinikmati faedahnya seperti makanan, pakaian, perkakas rumah dan sebagainya¹².

Di dalam Mu'jam al-Wasit, perkataan *mut'ah* dari segi bahasa ditakrifkan sebagai sesuatu pemberian yang diberikan selepas berlakunya perceraian yang boleh mendatangkan kegembiraan¹³. Oleh sebab itu, pemberian tersebut mestilah sesuatu yang bernilai dan dapat dinikmati oleh penerimanya seperti bahan-bahan makanan, harta benda, pakaian, kenderaan, pembantu rumah, dan lain-lain.

Berdasarkan beberapa definisi yang telah dinyatakan, dapatlah di buat kesimpulan bahawa pengertian *mut'ah* dari segi bahasa ialah sebagai menikmati kesenangan atau bergembira dengan sesuatu pemberian yang bernilai dan bermanfaat.

3.3 PENGERTIAN *MUT'AH* DARI SEGI ISTILAH

Pengertian *mut'ah* dari istilah Hukum Syarak mengandungi beberapa takrifan yang berlainan maksud. Berdasarkan kepada fungsi pemakaiannya yang berbeza, *mut'ah* dari segi istilah Hukum Syarak boleh merujuk kepada:

I. Perkahwinan (*nikāḥ al-mut'ah*)

Nikah atau perkahwinan *mut'ah* ialah ikatan tali perkahwinan yang dilakukan antara lelaki dan perempuan dengan *mahr* atau maskahwin yang

telah disepakati serta dinyatakan dalam *'aqad ijāb* dan *qobūl* sehingga pada had waktu yang telah ditentukan¹⁴. Ia mungkin selama enam bulan, setahun, lima tahun, sepuluh tahun atau beberapa tahun sebagaimana yang telah dinyatakan dan semasa *'aqad mahṛ* atau maskahwin hendaklah disebutkan juga. Perkahwinan ini akan berakhir dengan berlalunya batas waktu yang telah ditetapkan tanpa memerlukan proses perceraian biasa (*nikāḥ dā'im*). Walau bagaimanapun, wanita yang di *mut'ah* harus menjalani *'iddah* selama dua kali masa haid atau empat puluh lima hari¹⁵ dan bagi yang bercerai mati maka *'iddahnya* adalah sama dengan *'iddah* perkahwinan biasa (*dā'im*) iaitu empat bulan sepuluh hari¹⁶. Tetapi, dia tiada hak perwarisan sekiranya suami *mut'ahnya* itu meninggal dunia semasa perkahwinan itu belum tamat tempohnya kecuali dinyatakan syarat-syarat tersebut dalam *'aqad*. Manakala, anak hasil daripada perkahwinan *mut'ah* itu memiliki semua hak sama seperti yang dimiliki oleh anak-anak hasil daripada pernikahan biasa (*dā'im*) tanpa ada pengecualian, baik hak-hak *syar'i* mahupun moral¹⁷.

Perkahwinan *mut'ah* ini juga dikenali sebagai "*marriage of pleasure*" iaitu berkahwin hanya untuk bersuka-suka dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Hal ini jelas di lihat sebagaimana yang dinyatakan dalam The Concise Encyclopaedia of Islam, *mut'ah* ialah:

"A marriage stipulated to be temporary, sometimes called a marriage of pleasure. The marriage is automatically terminated at the end of the agreed period. Mut'ah is allowed by the twelve Imam Shiites, but forbidden by the Sunnis."¹⁸

Para ulama' sama ada dari golongan *Sunnī* atau *Syī'ī* bersepakat bahawa perkahwinan *mut'ah* adalah halal pada masa permulaan Islam. Malahan, umat Islam pada ketika itu ada yang telah berkahwin secara *mut'ah* kerana telah diizinkan oleh Rasulullah s.a.w semasa di 'Aṭās¹⁹. Namun demikian, mereka berbeza pendapat (*khilaf*) tentang ada atau tidaknya *naş* yang memansuhkan hukum tersebut.

Menurut ulama' bermazhab *Syī'ah*, mereka berpendapat bahawa tidak ada *naş* yang memansuhkan keharusan berkahwin *mut'ah*. Oleh yang demikian, *mut'ah* adalah harus dan tetap dihalalkan sehingga ke hari kiamat²⁰. Manakala, bagi ulama' bermazhab *Ahlul Sunnah wa al-Jamā'ah* atau dikenali sebagai *Ulamā' Sunnī*, mengatakan bahawa perkahwinan *mut'ah* telah dihapuskan sesudah ia pernah dihalalkan. Mereka bersepakat tentang keharamannya.²¹

II. *Mut'ah* haji²²

Mut'ah haji ialah menghimpunkan ibadah haji dengan ibadah umrah secara serentak di dalam bulan haji. Kedua-dua ibadah tersebut didirikan dalam satu tahun dengan mengerjakan ibadah umrah terlebih dahulu.

III. Hadiah perkahwinan²³

Mut'ah juga boleh ditakrifkan sebagai hadiah perkahwinan yang diberikan oleh suami kepada isteri-isterinya seperti mana yang diamalkan di sesetengah negara. Pemberian ini membolehkan isteri bersenang-senang dengan harta pemberian suami sempena perkahwinan mereka. Walau bagaimanapun, menurut pandangan Imām Mālik, *mut'ah* itu tidak harus hukumnya jika ia menjadi syarat dalam *'aqad* tetapi hukumnya bertukar kepada harus apabila ia tidak lagi menjadi syarat semasa majlis *'aqad*²⁴.

IV. *Mut'ah al-talāq*

Perkataan *mut'ah* juga merujuk kepada suatu pemberian yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri-isteri yang diceraikan sebagai satu pemberian yang boleh menyenangkan hatinya akibat daripada perceraian tersebut atau sebagai gantian kepada maskahwin apabila isteri-isteri yang diceraikan itu belum disetubuhi. *Mut'ah* di dalam konteks inilah yang menjadi tajuk kajian dan fokus kepada perbincangan yang seterusnya di dalam usaha melengkapkan disertasi ini.

Merujuk kepada *mut'ah al-talāq* atau *mut'ah* selepas perceraian, dari segi istilah syarak ia bererti harta yang diwajibkan ke atas suami

memberikannya kepada isteri-isteri apabila berlaku perceraian ketika hidup dan perceraian bukan datanginya daripada pihak isteri.²⁵ Manakala di dalam kitāb Rawā'i' al-Bayān, pengertian *mut'ah* dari segi istilah bermaksud:

"Pemberian seorang suami kepada isterinya yang diceraikan, baik berupa wang, pakaian atau apa sahaja perbekalan, sebagai bantuan dan penghormatan kepada isterinya serta menghindari dari kekejaman *ṭalāq* yang dijatuhkannya itu."²⁶

Apa yang dimaksudkan dengan 'kekejaman *ṭalāq*' ialah perasaan pahit yang timbul di dalam hati akibat daripada perceraian itu seumpama satu tusukan yang membawa dendam dan perseteruan²⁷. Imām Ḥanafī pula mentakrifkan *mut'ah* sebagai:

"*Mut'ah* ialah sesuatu yang di beri oleh suami kepada isterinya selepas berlaku perceraian antara mereka, seperti pakaian atau seumpamanya untuk mengurangkan tekanan perasaan isteri (yang diceraikan) dan sebagai bayaran kesepian isteri oleh sebab perceraian yang berlaku antara mereka berdua".

Kebanyakan *Fuqahā'* mendefinisikan *mut'ah* dari segi istilah Hukum Syarak ialah sejenis harta (*māl*) sebagai suatu pemberian saguhati dan tanda belas ihsan yang wajib dan menjadi tanggungjawab ke atas suami atau pihaknya kepada isteri yang diceraikan sebagai tambahan kepada maskahwin atau sebagai ganti kepada nafkah jika isteri yang diceraikan itu belum disetubuhi dengan syarat-syarat tertentu.²⁸

Harta tersebut mestilah pilihan barangan yang baik, sah untuk di jual beli dan bermanfaat. Ia boleh berupa wang, pakaian, makanan, pembantu rumah dan sebagainya.²⁹ Oleh sebab itu, pemberian *mut'ah* tidak sah pada harta benda yang tidak boleh dimanfaatkan seperti bangkai, darah, wang lama yang sudah tidak bernilai, makanan yang sudah rosak serta barangan yang haram seperti arak, daging babi dan sebagainya. Selain daripada barang yang halal dan bermanfaat, harta tersebut juga hendaklah di ambil daripada miliknya (pihak suami) sendiri. Ia tidak boleh diambil daripada harta orang lain untuk dijadikan *mut'ah*.

Menurut al-Anṣārī,³⁰ perceraian tersebut juga mestilah bukan disebabkan dengan kehendak isteri atau kerana 'aib yang ada pada isteri dan hendaklah ada berlaku persetubuhan sepanjang berlangsungnya perkahwinan. Sebaliknya, jika perceraian itu terjadi atas kehendak isteri maka gugurlah kewajipan suami memberikan *mut'ah* kepada isterinya itu.

Berdasarkan beberapa pendapat yang dinyatakan itu tadi, didapati tidak terdapat banyak perbezaan di dalam menghuraikan takrif *mut'ah* yang dimaksudkan itu. Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa sebahagian *fuqahā'* (ulama' fiqh) mentakrifkan *mut'ah* sebagai harta yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri yang diceraikan dengan syarat perceraian tersebut jelas disebabkan oleh suami. Sebaliknya, jika perceraian itu terjadi daripada pihak isteri, maka isteri tersebut tidak layak menerima *mut'ah* sama ada dia

mufauwidah atau tidak. Sehubungan dengan itu, dia juga tidak berhak mendapat *mut'ah* dalam perceraian secara *li'an* yang bersebab daripadanya, perceraian kerana kecacatan daripadanya sendiri dan perceraian disebabkan dia murtad sedangkan suaminya muslim.

Manakala sebahagian *fuqahā'* yang lain pula memahami *mut'ah* sebagai suatu pemberian yang wajib ke atas suami untuk diberikan kepada isteri yang diceraikannya melalui *ṭalāq* dan yang seumpamanya semasa kedua-duanya masih hidup dengan syarat-syarat tertentu.

Kesimpulannya, *jumhūr fuqahā'* bersependapat menyatakan bahawa *mut'ah* ialah hadiah atau wang pengubat hati atau pampasan yang diwajibkan ke atas suami kepada isteri yang diceraikan dengan syarat perceraian tersebut disebabkan oleh pihak suami seperti bercerai dengan cara *ṭalāq*, murtad atau suami enggan masuk Islam. Tetapi, sekiranya perceraian disebabkan oleh pihak isteri seperti perceraian melalui *fasakh* atau tebus *ṭalāq*, maka suami tidak wajib lagi memberikan *mut'ah* kepada isterinya itu.

Ia dinamakan *mut'ah* kerana isteri yang diceraikan itu akan mendapat manfaat dari pemberian tersebut. *Mut'ah* boleh berupa ganjaran harta, seperti wang, makanan, pakaian, dan lain-lain. Pemberian ini juga boleh diumpamakan sebagai bayaran ganti rugi kepada pihak isteri sepanjang khidmatnya terhadap suami tetapi akhirnya terpaksa berpisah dengan

perceraian tersebut. Oleh sebab itu, adalah sangat wajar *mut'ah* itu di anggap sebagai bayaran saguhati sebagai tanda ihsan atau sebagai bayaran pampasan yang wajib dilunaskan oleh suami dengan kadar yang tertentu sama ada dia merelakannya atau tidak.

Manakala, bagi perceraian di mana semasa majlis '*aqad* perkahwinan tersebut telah dinyatakan jumlah maskahwinnya atau telah pun terjadi persetubuhan di antara keduanya, ulama' berbeza pandangan serta membuat penetapan hukum yang berlainan.

1.4 *MUT'AH* MENURUT AL-QURAN

Sebagaimana yang telah dibincangkan, *mut'ah* merupakan salah satu daripada hak-hak isteri yang diceraikan dan menjadi tanggungjawab suami untuk menunaikannya. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyentuh soal *mut'ah* dan cara pembahagiannya. Oleh sebab itu, asas hukum *mut'ah* dan cara pembahagian harta tersebut mestilah bersandarkan kepada *naṣ-naṣ* (dalil) yang terdapat di dalam al-Quran. Kemudian, barulah di ambil sumbernya daripada *al-Hadīth*, *qiyās* dan *ijmā' ulamā'*. Di antara ayat-ayat suci al-Quran yang menyentuh soal tersebut ialah firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Tidak ada sesuatu pun (*maḥr*) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan *maḥm*ya. Dan hendaklah kamu berikan suatu *mut'ah* (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang bertakwa."

(Surah al-Baqarah:236)

Menurut al-Khāzin di dalam tafsirnya, ayat di atas diturunkan mengenai seorang lelaki 'Anṣār yang berkahwin dengan seorang wanita Banī Ḥanīfah. Beliau telah menceraikan isterinya itu sebelum di 'sentuh' dan tidak ditentukan kadar maskahwin semasa berlakunya *ijāb* dan *qobūl*. Setelah ayat di atas turun, lalu bersabdalah Rasulullah s'a.w kepada lelaki tersebut yang bermaksud:

"Berilah kepada dia *mut'ah* sekalipun dengan songkokmu itu."³¹

Berdasarkan kepada pengertian ayat dan sebagaimana yang ditafsirkan oleh *jumhūr ulamā' mufasssīrīn* (ulama' tafsir), ayat yang di atas menerangkan bahawa Allah s.w.t tidak melarang seseorang itu menceraikan isteri-isterinya yang belum di sentuh dan belum ditetapkan kadar maskahwinnya. Walau bagaimanapun, suami wajib membayar *mut'ah* kepada isteri yang diceraikan itu kerana dalam ayat di atas Allah s.w.t menyatakan *wa mattiuhunna'* yang bererti berikanlah sesuatu yang boleh menggembirakan mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) dari harta kamu

mengikut kadar kemampuanmu. Klausa tersebut adalah ayat perintah (*al-amr*) yang mesti dilaksanakan³². Ini adalah juga pendapat Ibn 'Umar, 'Alī bin Abī Ṭālib, Ḥassan bin Abī al-Ḥasan, Sa'īd bin Jubayr, Abū Qilābah, al-Zuhri, Qatadah dan al-Dahhak bin Muzāhim.³³ Tetapi Abū 'Ubayd, Mālik bin Anas dan Syurayḥ pula berpendapat *mut'ah* itu hukumnya sunat. Bahkan Imām Mālik dan murid-muridnya turut berpandangan bahawa *mut'ah* adalah sunat sama ada terhadap isteri yang di *ṭalāq* sebelum atau sesudah dicampuri suaminya.³⁴ Menurut al-Qurtubī di dalam tafsirnya *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, pendapat kelompok yang pertama itu adalah lebih utama kerana dalam ayat tersebut perintah itu umum. Seterusnya Allah s.w.t menegaskan lagi perintah tersebut dalam ayat yang bermaksud “orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya pula” dan dalam ayat yang bermaksud “kewajiban ke atas orang-orang yang bertakwa” kerana setiap manusia yang beriman itu mestilah bertakwa kepada Allah s.w.t. Kedua-dua ayat ini adalah dalil tentang wajibnya *mut'ah*.³⁵

Dalam ayat di atas juga, Allah s.w.t menggunakan perkataan menyentuh bagi maksud bercampur atau bersetubuh adalah suatu *kināyah* yang sangat halus dan sopan sebagaimana yang sering diungkapkan dalam ayat-ayat al-Quran yang lain. Menurut Abū Muslim, dalam *Tafsīr al-Kabīr*, *kināyah* yang digunakan oleh Allah s.w.t itu adalah sebagai didikan kepada seluruh umat manusia agar di dalam percakapannya sehari-hari hendaklah sering memilih ungkapan atau kata-kata yang indah lagi baik.³⁶

Apabila berlaku perceraian yang sedemikian, maka suami atau pihaknya hendaklah menyerahkan *mut'ah* iaitu imbuhan saguhati kepada isterinya itu. Ia boleh diumpamakan semacam bayaran pampasan di samping mempunyai nilai kejiwaan akibat daripada perceraian tersebut. *Mut'ah* adalah wajib bagi orang yang ingin berbuat baik (*muḥsinīn*). Perkataan '*Haqqon*' menegaskan lagi tentang wajibnya perkara tersebut³⁷. Manakala '*Muḥsinīn*' pula berasal daripada perkataan ihsan. Oleh sebab itu, sebagai seorang yang beragama Islam, kita mestilah berpegang kepada tiga perkara pokok yang tidak boleh dipisah-pisahkan iaitu Islam, iman, dan ihsan.³⁸

Walaupun bagaimanapun, ayat di atas hanya menerangkan secara umum sahaja cara pembayaran saguhati tersebut iaitu menurut pertimbangan yang baik bagi mengekalkan perasaan kemesraan dan keharmonian masyarakat. Asasnya di ukur mengikut taraf suami sama ada dari segi harta kekayaan, pangkat dalam pekerjaan dan statusnya dalam masyarakat. Sekiranya suami itu memiliki harta kekayaan yang banyak maka kadar *mut'ah* hendaklah sesuai dengan ukuran kekayaannya itu. Begitu juga, sekiranya suami itu miskin, maka kadar tersebut hendaklah di ukur dengan kemampuannya. Tetapi, apa yang pasti kadar tersebut hendaklah di buat di atas pertimbangan yang adil dan tidak menyusahkan mana-mana pihak. Aspek lain yang patut juga di ambilkira ialah menurut kebiasaan setempat dan suasana ekonomi pada masa itu.

Kemudian, Allah s.w.t berfirman lagi yang bermaksud:

“... dan jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu sudah menentukan *mahr*nya, maka bayarlah seperdua dari *mahr* yang telah kamu tentukan itu, kecuali jika isteri-isterimu itu memaafkan atau dimaafkan oleh orang yang memegang ikatan nikah dan pemaafan kamu itu lebih dekat kepada takwa. Dan janganlah kamu melupakan keutamaan di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha melihat segala apa yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Baqarah:237)

Ayat yang kedua di atas memaparkan kes dimana suami telah menceraikan isteri sebelum menyetubuhinya sedangkan kadar maskahwin telah ditentukan. Dalam hal ini, suami wajib membayar separuh daripada maskahwin yang telah ditentukan berdasarkan maksud zahir ayat di atas.

Namun begitu, persoalan yang timbul ialah apakah si suami juga wajib memberikan *mut'ah* kepada isteri yang diceraikannya?. Di dalam kes ini, Ulama' Tafsir berbeza pandangan (*khilaf*). Menurut Imām al-Rāzī di dalam Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī, sekiranya *mut'ah* itu wajib, maka sudah tentu ia akan dinyatakan oleh Allah s.w.t di dalam ayat ini. Oleh itu, perceraian yang sedemikian, isteri tersebut tidak lagi berhak menerima *mut'ah* kerana dia telah mendapat sebahagian daripada maskahwin.³⁹

Pendapat ini adalah selaras dengan kata-kata Ibn 'Umar⁴⁰ bahawa tiap-tiap perceraian itu wajib diberikan *mut'ah* kecuali isteri yang belum disetubuhi tetapi telah ditentukan kadar maskahwinnya di dalam 'aqad. Pandangan ini juga turut di kongsi oleh Imam al-Syāfi'i, di dalam Kitāb al-Muhadhdhab yang bermaksud

"Sekiranya suami menjatuhkan *ṭalāq* sebelum menyetubuhi isterinya, maka bagi isterinya itu separuh daripada maskahwin sebagaimana yang telah ditentukan itu dan tidak perlu lagi memberi *mut'ah*"⁴¹.

Pandangan yang sebaliknya pula berpendapat, suami tetap wajib memberikan *mut'ah* kepada isterinya itu sekalipun telah mendapat separuh daripada maskahwin. Alasannya ialah ayat di atas adalah lain iaitu bukan kesinambungan daripada ayat yang pertama itu tadi. Menurut Hamka, di dalam mengulas masalah ini menyatakan bahawa lebih baik kita berpegang teguh kepada maksud ayat al-Quran ini secara langsung.⁴²

Malah, beliau turut berpendapat bahawa ayat ini menerangkan lagi bahawa *mut'ah* bukan hanya wajib dalam kes perempuan yang di *ṭalāq* sebelum disetubuhi dan belum ditentukan maskahwin tetapi wajib juga terhadap perempuan yang telah ditentukan maskahwinnya.

Kesimpulannya, sekalipun ayat yang kedua ini mewajibkan suami membayar separuh daripada maskahwin tetapi ia juga tidak menafikan

kewajipan *mut'ah*, sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang pertama itu tadi. Oleh itu, andaian bahawa *mut'ah* tidak lagi wajib dalam kes ini dirasakan lemah dan kurang menepati kehendak hukum serta maksud ayat tersebut. Pendapat yang lebih kuat (*azhar*) ialah berpegang kepada maksud zahir ayat daripada mentakwilkan kepada maksud yang lain.

Seterusnya, di dalam ayat yang lain Allah s.w.t berfirman lagi yang bermaksud:

**"Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) *mut'ah* menurut yang ma'ruf sebagai suatu kewajipan bagi orang-orang yang bertakwa".
(Surah al-Baqarah:241)**

Menurut Abū Thawrī dan al-Zuhri, ayat di atas menjadi bukti tentang wajibnya *mut'ah* dalam semua keadaan perceraian⁴³ dan tidak hanya terhad kepada isteri yang di *talāq* sebelum disetubuhi dan belum ditentukan mahar. Ini juga adalah pendapat Sa'īd bin Jubayr dan satu pendapat daripada ulama' mazhab al-Syafi'i⁴⁴. Menurut al-Syahīd Sayyīd Qutb di dalam tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān, terdapat sebahagian *Ulamā' Mufasssīrīn* yang beranggapan ayat ini telah dimansuhkan oleh ayat yang berkaitan dengan nafkah. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat, andaian tersebut amat tidak wajar kerana *mut'ah* (bayaran saguhati) di dalam ayat ini adalah berlainan daripada bayaran nafkah.⁴⁵

Malah, jika dihalusi dengan lebih mendalam, ayat ini sebenarnya menjelaskan lagi maksud pada ayat 236 dan menyelesaikan segala salah faham yang timbul pada ayat 237. Justeru itu, ayat ini menjadi dalil kepada *jumhūr ulamā'* termasuklah Imām al-Syāfi'ī tentang wajibnya *mut'ah* kepada setiap isteri yang di *ṭalāq*⁴⁶ sama ada yang telah disetubuhi atau belum disetubuhi dan sama ada yang telah ditentukan kadar maskahwin atau yang belum ditentukan kadar maskahwinnya itu.

Perihal mengenai *mut'ah* juga turut disentuh secara tidak lansung di dalam beberapa ayat yang lain. Antaranya ialah firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: "Jika kamu sekalian mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya ku berikan kepada mu *mut'ah* dan aku ceraikan kamu dengan cara yang baik. Dan jika kamu sekalian menghendaki (keredaan) Allah dan Rasul-Nya serta (kesenangan) di negeri akhirat, maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi siapa yang berbuat baik di antaramu pahala yang besar".

(Surah al-Aḥzab:28-29)

Melalui ayat di atas, Allah s.w.t menyuruh Rasulullah s.'a.w memperingatkan kepada isteri-isteri beliau, jika mengharapkan kemewahan dan kesenangan hidup di dunia, mereka tidak akan dapat daripadanya. Oleh itu ceraikanlah mereka dengan cara yang baik dan bayarlah *mut'ah*, sebagai pengubat hati atau pampasan.

Kedua-dua ayat tersebut dinamakan ayat "*takhyīr*" ertinya di suruh memilih⁴⁷. Isteri-isteri Rasulullah s.a.w di suruh memilih iaitu di antara kemewahan dan kesenangan hidup di dunia atau memilih Allah dan Rasul iaitu mengharapkan keredaan dan pahala daripada Allah s.w.t.⁴⁸ Sekiranya niat mereka bersuamikan Rasulullah s.a.w, kerana inginkan kemewahan dan kesenangan dunia, maka, mereka akan kecewa dan niat tersebut tidak akan tercapai. Rasulullah s.a.w tidak mengejar kesenangan dunia dalam perjuangannya, melainkan melakukan dakwah kepada manusia, membawa mereka ke jalan yang benar, untuk keselamatan mereka dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, Allah s.w.t telah mengesyorkan kepada Rasulullah s.a.w supaya menceraikan isteri-isterinya dan diberikan *mut'ah* sebagai pampasan sekiranya kemewahan hidup yang menjadi pilihan mereka.

Umum mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w memilih cara hidup sederhana untuk diri dan keluarganya. Pilihan ini bukan bermakna baginda tidak mampu hidup bermewah-mewah tetapi baginda lebih senang dengan cara tersebut dan tidak disebutkan dengan soal-soal untuk mencari kesenangan hidup di dunia. Walau bagaimanapun, baginda tidak *mentaklifkan* (memaksa) umatnya supaya hidup seperti itu kecuali mereka yang suka begitu dan kepada mereka yang mahu membebaskan dirinya dari belenggu kemewahan harta benda agar hidup tenteram dari godaan hawa nafsu.

Tetapi isteri-isteri Rasulullah s.'a.w adalah manusia biasa. Walaupun mereka mempunyai kelebihan, kehormatan dan kedudukan yang hampir dengan sumber *nubūwwah* namun keinginan semulajadi kepada kenikmatan hidup itu tetap ada di dalam hati mereka. Oleh itu, apabila mereka melihat keadaan hidup umat Islam yang semakin teguh ekonominya, mereka pun bersungut kepada Rasulullah s.'a.w tentang habuan nafkah mereka. Hal ini menyebabkan Rasulullah s.'a.w sangat dukacita kerana baginda ingin mereka hidup dengan cara yang telah di pilihnya iaitu hidup bebas, luhur dan reda serta sunyi dari kesibukan memikirkan urusan-urusan harta benda.

Rentetan daripada peristiwa ini menyebabkan baginda bertindak mengasingkan diri daripada khalayak ramai. Walau bagaimanapun tindakan ini telah menyebabkan timbul pelbagai tanda tanya di benak para sahabat. Oleh itu mereka telah datang untuk menemui Rasulullah s.'a.w tetapi tidak diizinkan masuk. Dalam hal ini, Imām Aḥmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Jābir bin 'Abd Allāh r.'a katanya:

"Abū Bakar r.'a telah datang meminta izin untuk menemui Rasulullah s.'a.w dan ramai orang duduk di pintunya, Rasulullah s.a.w ketika itu sedang duduk, tetapi baginda tidak mengizinkan sesiapa pun masuk. Kemudian datang pula 'Umar r.'a lalu meminta izin, tetapi tidak juga diizinkan. Tidak lama kemudian barulah baginda memberi izin kepada Abū Bakar dan 'Umar, lalu keduanya masuk. Rasulullah s.'a.w ketika itu sedang duduk dan dikelilingi isteri-isterinya. Rasulullah s.'a.w diam tidak bercakap. 'Umar ra pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tahukah anda anak

perempuan Zaid (isteri 'Umar) tadi telah menuntut nafkah (yang lebih) dari saya, lalu saya pukul lehernya'. Nabi s'aw terus ketawa hingga ternampak geraham-gerahamnya dan bersabda, "mereka yang berada disekelilingku ini juga menuntut nafkah dariku". Lalu Abū Bakar bangun menuju kepada 'A'isyah untuk memukulnya dan 'Umar juga bangun menuju kepada Hafṣah. Kedua-duanya berkata, "Apakah engkau berdua mahu menuntut sesuatu yang tidak ada pada beliau?" Lalu di tahan oleh Rasulullah s.'a.w. Kemudian para isteri nabi pun berkata. "Demi Allah selepas majlis ini, kami tidak akan menuntut kepada nabi s.'a.w sesuatu yang tidak ada pada beliau".⁴⁹

Berdasarkan kepada peristiwa itulah, lalu di sini Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat yang memberi pilihan kepada mereka, dan Rasulullah s.'a.w pun menyampaikan pilihan itu mula-mula kepada 'A'isyah seraya bersabda:

"Aku hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan oleh engkau) tetapi aku tidak suka engkau mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga engkau (lebih dahulu) berunding dengan orang tua engkau". Lalu 'A'isyah bertanya: "Apa dia". Kata rawi, beliau pun membaca ayat di atas. Lalu 'A'isyah berkata: "Adakah dalam perkara hendak memilih engkau, hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Bahkan hamba tetap memilih Allah dan Rasul-Nya tetapi hamba harap engkau tidak menceritakan pilihan hamba ini kepada mana-mana isteri engkau yang lain." Jawab Rasulullah s.'a.w: "Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan aku untuk memberi kepayahan, tetapi dia mengutuskan aku untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri yang menanyakan aku tentang keputusan yang telah dipilih engkau melainkan aku akan ceritakannya kepada dia".⁵⁰

Perihal kewajiban *mut'ah* ini dikuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t dalam ayat lain yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyetubuhinya, maka tiadalah bagi kamu masa ‘iddah di atas mereka yang wajib kamu hitungkannya. Oleh itu berilah bayaran *mut'ah* (sagu hati) kepada mereka dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya”.

(Surah al-Ahzab:49)

Ayat ini menguatkan lagi hujah mengenai hak menerima bayaran *mut'ah* oleh isteri yang diceraikan sebagaimana yang telah di sebut dalam surah al-Baqarah ayat 236 dan ayat 241 serta dalam surah al-Ahzab ayat 28. Di samping itu, ayat ini menambahkan satu lagi penerangan mengenai hukum iaitu ‘iddah perempuan yang diceraikan sedangkan dia belum lagi disetubuhi oleh suaminya. Di dalam kes ini, Allah s.w.t menjelaskan bahawa tidak ada ‘iddah bagi isterinya itu kerana dia belum lagi disetubuhi. Walau bagaimana pun, menurut Sa'īd, hukum *mut'ah* di dalam ayat ini telah *dimansuhkan* dengan ayat 237, surah al-Baqarah.⁵¹

Umum mengetahui bahawa hikmah atau tujuan ‘iddah itu ialah untuk mendapatkan kepastian bahawa rahim perempuan itu bersih atau tidak mengandung hasil daripada persetubuhan dengan bekas suaminya. Oleh itu dalam kes ini, masalah tersebut tidak muncul dan tidak payahlah perempuan itu ber‘iddah jika ingin berkahwin dengan lelaki lain. Tetapi bagi ‘iddah *wafat*,

meskipun mereka belum bercampur, isteri itu tetap dikenakan juga *'iddah* iaitu selama empat bulan sepuluh hari.⁵²

Namun demikian, suami wajiblah memberikan *mut'ah* kepada isterinya itu dan lepaskanlah mereka dengan sebaik-baiknya. Menurut Ahmad Sonhadji Mohammad, maksud ayat:

". . . فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرَاحًا جَمِيلًا ."

ialah melepaskan mereka dengan perceraian yang baik, tidak mendatangkan mudarat seperti menyediakan kenderaan dan bekalan yang sepatutnya⁵³ apabila hendak dihantar pulang kepada keluarga mereka serta layanan yang baik yang akan menyenangkan hati mereka dan hati keluarga mereka sebagai mengubat rasa sedih lantaran berpisah.

Berbalik soal *mut'ah*, ulama' masih lagi berbeza pendapat mengenai ketentuan hukumnya. Menurut Qotadah dan Sa'īd bin Jubair, perkataan "

فَمَتَّعُوهُنَّ " dalam ayat ini telah

dinasahkan hukumnya⁵⁴ oleh ayat 237 dalam surah al-Baqarah:

". . . وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنُصِفْ مَا فَرَضْتُمْ "

Sekiranya pendapat atau pandangan ini benar maka, implikasinya ialah *mut'ah* tidak wajib jika isterinya itu telah di bayar dengan separuh daripada maskahwin. Tetapi setengah *qaul* (pendapat) menyatakan di samping wajib membayar separuh maskahwinnya itu maka, disunatkan pula memberi *mut'ah*. Oleh sebab itu, dirasakan pendapat yang menyatakan isteri yang di cerai itu berhak mendapat *mut'ah* adalah lebih menepati dengan kehendak zahir ayat ini.

1.5 *MUT'AH* MENURUT AL-HADITH

Al-Hadith merupakan sumber perundangan hukum Islam yang kedua selepas al-Quran. Sekiranya timbul sesuatu masalah dan penyelesaiannya tidak didapati dalam al-Quran, maka ia perlulah di rujuk kepada al-Hadith. Malah, dalam banyak hal, al-Hadith bertindak sebagai penerang kepada sebarang persoalan yang timbul daripada al-Quran. Justeru itu, dalil pensyariatan *mut'ah* ini juga terdapat di dalam beberapa buah hadith Rasulullah s.'a.w. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada 'A'isyah r.'a yang bermaksud:

"Sesungguhnya Rasulullah s.'a.w telah mengahwini Amrah binti al-Ja'un. Ketika di bawa berjumpa dengan Rasulullah s.'a.w, beliau telah menunjukkan sikap seolah-olah tidak menyukai baginda. Lalu bersabda Rasulullah s.'a.w:

“Sesungguhnya engkau telah berlindung dengan zat yang melindungi.” Kemudian baginda menceraikannya dan menyuruh ‘Usāmah agar memberikan tiga helai kain kepada Amrah binti al-Jā’un.”⁵⁵

Seterusnya, di dalam sebuah hadith lain, telah diriwayatkan daripada Sahal bin Sa’ad dan Abī ‘Usaid yang bermaksud:

“Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengahwini ‘Umaisah binti Syurāhil. Tatkala wanita itu masuk ke dalam rumah Rasulullah s.a.w, beliau telah menunjukkan sikap seolah-olah tidak menyukainya. Maka, baginda pun memerintahkan Abū ‘Usaid mengadakan barang-barang persiapan untuk ‘Umaisah (bagi menghantarnya pulang) dan memberikan baju yang terbaik kepadanya.”⁵⁶

Selain daripada al-Quran dan al-Hadith, terdapat juga beberapa riwayat daripada keluarga dan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w mengenai pemberian *mut’ah*. Antaranya ialah diriwayatkan bahawa Syaidina Hassan bin ‘Alī pernah memberikan *mut’ah* sebanyak 10,000.00 dirham kepada bekas isterinya yang bernama ‘A’isyah al-Khats’amiyah. Beliau sangat terharu apabila menerima wang *mut’ah* tersebut seraya berkata:

“*Mut’ah* ini terlalu kecil dari seorang *ḥabīb* (kekasih) yang menceraikannya.”⁵⁷

Selain itu, sahabat baginda juga tidak terkecuali turut memberikan *mut'ah* kepada isteri-isteri yang mereka ceraikan. Antaranya ialah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Mālik, iaitu:

"Daripada Mālik sesungguhnya dia mendengar bahawa 'Abd al-Rahmān bin 'Auf menceraikan (*ṭalāq*) isterinya dan dia memberikan *mut'ah* berupa seorang puteri."⁵⁸

Begitu juga riwayat daripada 'Abd Allah bin 'Umar, beliau berkata:

"Tiap-tiap wanita yang di *ṭalāq* dan sudah ditentukan maskahwinnya tetapi belum disetubuhi suaminya, maka *mut'ahnya* adalah separuh daripada maskahwin yang telah ditentukan itu."⁵⁹

Berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dinyatakan itu, jelas menunjukkan bahawa *mut'ah* bukan sahaja diamalkan oleh Rasulullah s.a.w bahkan juga keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Sekiranya ia tidak wajib, sudah tentu Rasulullah s.a.w tidak akan melakukannya sebagaimana baginda tidak menunaikan *solat tarāwikh* di masjid sepanjang bulan ramadan. Walau bagaimanapun, kewajipan pemberian *mut'ah* ini bergantung kepada keadaan dan bagaimana sesuatu perceraian itu terjadi.

1.6 LAIN-LAIN PENDAPAT

Ulamā' fiqh (fuqahā') berbeza pendapat mengenai masalah *mut'ah* iaitu sama ada hukumnya wajib atau sunat. Timbulnya pandangan yang berbeza ini disebabkan tafsiran mereka yang berlainan terhadap dalil-dalil al-Quran mengenai *mut'ah*. Fenomena ini terjadi kerana dari segi lahiriahnya terdapat *ta'ārudh* (pertentangan) dalam beberapa ayat al-Quran yang membicarakan soal ini. Umpamanya, di dalam surah al-Aḥzab, ayat 47 adalah mutlak iaitu setiap isteri yang di cerai dan belum berlaku persetubuhan antara keduanya, maka , kepada isteri tersebut hendaklah diberikan *mut'ah*. Ayat 236 dalam surah al-Baqarah pula *muqayyad* (terikat) dengan dua syarat iaitu belum di sentuh (disetubuhi) dan belum ditentukan maskahwinnya. Manakala, ayat berikutnya (al-Baqarah : 237) hanya menetapkan setengah atau sebahagian maskahwin tanpa menyebut *mut'ah*. Oleh sebab itu, ada di antara *fuqahā'* yang berpendapat bahawa ayat 236 dalam surah al-Baqarah itu telah *takhṣiṣkan* ayat 47 dalam surah al-Aḥzab tersebut.

Umumnya, kedudukan isteri yang diceraikan oleh suaminya dapat dibahagikan kepada empat keadaan seperti berikut:

- I. Isteri yang diceraikan setelah disetubuhi dan maskahwinnya telah ditentukan.

- II. Isteri yang diceraikan setelah disetubuhi tetapi maskahwinnya belum ditentukan.
- III. Isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi tetapi telah ditentukan maskahwinnya.
- IV. Isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi dan belum ditentukan maskahwinnya.

Menurut mazhab Ḥanafī, kedudukan *mut'ah* boleh menjadi wajib dan boleh menjadi sunat hukumnya bergantung kepada keadaan isteri-isteri semasa diceraikan. Wujudnya perbezaan hukum ini disebabkan keadaan isteri-isteri yang diceraikan itu tidak sama tarafnya di antara satu sama lain. Di dalam hal ini, ulama' mazhab Ḥanafī berpandangan seperti berikut:

I. Wajib

Suami wajib membayar atau membahagikan *mut'ah* kepada isteri-isteri yang telah diceraikan sekiranya tidak berlaku sebarang perhubungan jenis semasa perkahwinan tersebut berlangsung dan tidak ditentukan maskahwinnya dalam '*aqad* ataupun maskahwin telah disebutkan tetapi maskahwin tersebut rosak atau *fāsid* ⁶⁰ seperti

menjadikan arak, babi dan lain-lain sebagai maskahwin yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak.

Alasan ulama' mazhab Hanafī ialah didasarkan kepada firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah, ayat 236. Selain itu, untuk menguatkan lagi pandangan ini, mereka turut mengutarakan *dalīl 'aqlī* dengan menggunakan kaedah *qiyās*. Maskahwin itu hukumnya wajib dan di dalam surah al-Baqarah, ayat 237 menyatakan bahawa isteri-isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi tetapi telah ditentukan maskahwinnya wajib pula dibayar sebahagian daripada maskahwinnya itu. Berdasarkan kepada hujah di atas, maka *mut'ah* juga wajib bagi isteri-isteri yang di cerai tetapi belum ditentukan maskahwinnya kerana *mut'ah* bolehlah di anggap sebagai ganti maskahwin. Oleh kerana maskahwin wajib maka ganti kepada hukum yang wajib mestilah wajib juga⁶¹. Umpamanya membayar *fiḍyah* ganti kepada wajib puasa bulan ramadan bagi orang-orang yang tidak mampu menunaikannya kerana uzur.

II. Sunat

Menurut ulama' mazhab Hanafī, hukum *mut'ah* sunat sahaja apabila seseorang isteri yang diceraikan telah disetubuhi dan

maskahwinnya telahpun ditentukan. Disunatkan *mut'ah* kerana perceraian hendaklah dilakukan dengan baik dan sebaik-baik perceraian adalah disertakan dengan *mut'ah*.⁶² Begitu juga hukumnya terhadap isteri-isteri yang di cerai dan telah disetubuhi tetapi belum ditetapkan maskahwin. Alasannya ialah isteri-isteri tersebut telah pun mempunyai hak ke atas maskahwin mithil (*mahr mithl*) maka mereka tidak lagi wajib diberikan *mut'ah*.⁶³

Imām Mālik dan semua *fuqahā'* Mālikī pula menyatakan bahawa *mut'ah* hanyalah suatu bayaran atau pemberian saguhati atau ihsan sebagai tanda belas kasihan dan simpati daripada suami kepada isteri-isteri yang diceraikannya. Hukum *mut'ah* adalah sunat⁶⁴ sahaja. Justeru itu, pihak suami tidak diwajibkan tetapi hanya digalakkan membayar atau memberikan *mut'ah* kepada isteri-isteri tersebut. Hukum ini meliputi semua keadaan sama ada isteri yang diceraikan berada di dalam kedudukan:

- i. Perceraian sebelum berlakunya persetubuhan dan sebelum ditetapkan maskahwinnya.
- ii. Perceraian selepas berlakunya persetubuhan sama ada telah ditetapkan maskahwinnya atau pun tidak.

Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah, ayat 236 dan ayat 241 menjadi sandaran kepada hujah-hujah mereka. Berdasarkan kepada ayat-ayat di atas, walaupun merupakan ayat perintah tetapi ianya turut diiringi dengan perkataan '*al-muhsinin*' pada ayat yang pertama dan '*al-muttaqin*' pada ayat yang kedua di akhirnya, sedangkan ayat yang hendak disabitkan dengan hukum wajib tidak boleh diiringi atau dikaitkan dengan perkataan-perkataan tersebut⁶⁵. Oleh sebab itu, menurut *fuqahā'* mazhab Mālikī, kedua-dua ayat tersebut merupakan suruhan atau perintah yang sunat sahaja daripada Allah s.w.t.

Manakala menurut Imām al-Syāfi'ī dalam '*qaul qadīm*', menyatakan bahawa isteri yang diceraikan setelah persetubuhan tidak diwajibkan membayar *mut'ah* kerana isteri tersebut telah mendapat semua maskahwin⁶⁶. Tetapi, menurut '*qaul jadīd*' iaitu pandangan yang *azhar* daripada mazhab al-Syāfi'ī menyatakan bahawa *mut'ah* diwajibkan kepada semua isteri yang diceraikan sama ada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh⁶⁷.

Walau bagaimanapun, bagi isteri-isteri yang diceraikan oleh suaminya sebelum berlaku persetubuhan tetapi maskahwin telah ditetapkan adalah dikecualikan daripada kewajipan di beri *mut'ah*. Dalam masalah ini, suami hanya perlu membayar separuh sahaja daripada maskahwin itu. Ketetapan ini jelas dan disepakati oleh *jumhūr fuqahā'*.

Imām Aḥmad Ḥanbālī pula menyatakan *mut'ah* merupakan kewajipan suami terhadap isteri-isteri yang diceraikan tanpa mengira sama ada beliau merupakan seorang yang merdeka, hamba, atau *kafir zimmi*⁶⁸. Hukum ini berdasarkan kepada lafaz perintah (*sighah amr*) pada perkataan '*matti'ūhunna*' dalam surah al-Baqarah, ayat 241. Walau bagaimanapun, hukum *mut'ah* wajib apabila terjadi sesuatu perceraian sebelum berlaku persetubuhan dan maskahwinnya belum ditentukan lagi. Tetapi jika maskahwin di sebut selepas '*aqad*' dan berlaku perceraian sebelum bersetubuh, isteri hanya berhak mendapat *mut'ah*⁶⁹ sahaja.

Sebaliknya, ulama' mazhab Ḥanbālī berpendapat hukum *mut'ah* sunat dalam kes perceraian selepas disetubuhi dan telah ditetapkan maskahwinnya. Hujah ini didasarkan kepada tafsiran terhadap firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 241. Menurut mereka, ayat tersebut tidak akan diiringi dengan perkataan '*bil ma'rūf*' sekiranya *mut'ah* itu wajib. Oleh itu mereka berpendapat *mut'ah* adalah sunat sahaja dalam masalah ini.

Selain daripada pandangan ulama' mazhab al-Syāfi'ī, Mālikī, Ḥanafī dan Ḥanbālī terdapat juga lain-lain ulama' yang mempunyai pendapat tersendiri tentang hukum *mut'ah* dan hujah-hujah mengenainya. Umpamanya Ibn Ḥazm al-Zāhiri menyatakan bahawa hukum *mut'ah* adalah wajib bagi setiap isteri yang diceraikan. Kewajipan tersebut adalah mutlak tanpa mengambil kira sama ada isteri tersebut di cerai hidup atau mati, telah

disetubuhi atau tidak dan sama ada maskahwinnya telah ditetapkan atau sebaliknya.⁷⁰ Pandangan ini juga turut di pegang oleh Ḥassan al-Baṣrī⁷¹. Alasan mereka bersandarkan kepada firman Allah s.w.t dalam surah al-Aḥzab, ayat 48.

Manakala al-Laith dan Ibn Laylā pula berpendapat hukum *mut'ah* adalah sunat. Setiap isteri yang diceraikan wajar diberikan *mut'ah*. Alasan mereka di dasarkan kepada tafsiran surah al-Baqarah, ayat 236 dan ayat 241. Walaupun kedua-dua ayat itu menerangkan tentang perintah Allah s.w.t mengenai pemberian *mut'ah* tetapi kedua-dua ayat tersebut diakhiri dengan perkataan '*al-muttaqīn*' dan '*al-muḥsinīn*'. Sekiranya *mut'ah* itu wajib, ia tidak boleh dikaitkan dengan dua perkataan tersebut.⁷² Oleh itu pada pendapat mereka, hukum *mut'ah* hanyalah sunat sahaja tanpa mengambil kira keadaan isteri yang diceraikan itu. Pandangan ini dikritik oleh al-Jassās dan al-Ṭabarī⁷³. Menurut mereka, ayat tersebut di akhiri dengan *al-muttaqīn* dan *al-muḥsinīn* untuk menguatkan lagi hujah bahawa *mut'ah* itu suatu yang wajib dan *takhṣīṣ* ayat ini dengan *al-muttaqīn* dan *al-muḥsinīn* tidaklah menafikan kewajipan pemberian *mut'ah* kepada mereka yang bukan *muttaqīn* dan *muḥsinīn* seperti juga ayat *wa hudan wa mau'izatan lil muttaqīn* yang bermaksud petunjuk untuk semua manusia.

Menurut Sa'id al-Musayyab⁷⁴ pula, hukum *mut'ah* dibahagikan kepada dua, iaitu wajib dan sunat. *Mut'ah* yang wajib adalah jelas sebagaimana yang

difirmankan oleh Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah, ayat 236 iaitu isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi dan belum ditetapkan maskahwinnya. Selain daripada keadaan tersebut, hukum *mut'ah* adalah sunat. Alasan beliau ialah Hukum Syarak tidak menentukan kadar *mut'ah* tersebut. Sekiranya wajib, pastilah Allah s.w.t menentukan kadar atau nilai *mut'ah* itu.

1.7 KESIMPULAN

Berdasarkan hujah-hujah seperti yang dinyatakan, terdapat jelas arahan Allah s.w.t supaya diberikan *mut'ah* kepada isteri-isteri yang diceraikan. Hal ini dapat dilihat dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 236 dan ayat 241 serta dalam surah al-Ahzab, ayat 28 dan ayat 49. Cuma, apa yang diperbahaskan oleh para *fuqahā'* ialah sama ada arahan tersebut merupakan suruhan (wajib) atau galakan (sunat) sahaja. Oleh kerana itu, maka timbullah kepelbagaian pendapat sebagaimana yang dipaparkan di atas itu tadi.

Berdasarkan pendapat *jumhūr fuqahā'*, *mut'ah* hanya wajib apabila ia memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- I. Isteri itu tidak mendapat separuh maskahwinnya.
- II. Perceraian itu bukan disebabkan oleh isteri.

- III. Perceraian tersebut juga bukan disebabkan oleh kedua-dua pihak.

Implikasi daripada pendapat ini ialah suami tidak wajib memberikan *mut'ah* kecuali kepada isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi dan belum ditentukan maskahwin. Justeru itu, aliran pendapat mazhab al-Syāfi'ī dirasakan lebih hampir dengan kehendak al-Quran iaitu *mut'ah* hukumnya wajib melainkan ke atas isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi tetapi telah ditentukan maskahwinnya.

Tetapi, meneliti dalil-dalil daripada al-Quran, al-Hadith dan pendapat para *fuqahā'*, jelaslah menunjukkan bahawa *mut'ah* itu sangat penting dan amat wajar diberikan kepada isteri-isteri yang diceraikan. Rasulullah s.'a.w sendiri secara tidak langsung turut mengakui kewajiban tersebut apabila memberikan *mut'ah* kepada isterinya yang diceraikan. Sekiranya *mut'ah* itu tidak wajib sudah tentu Rasulullah s.'a.w tidak melakukannya sebagaimana *solat tarāwikh* tidak lakukan di masjid sepanjang bulan ramadan. Oleh itu, dirasakan hukum *mut'ah* itu wajib kepada setiap isteri yang diceraikan dalam semua keadaan iaitu sama ada sebelum atau sesudah berlakunya perisetubuhan atau sama ada telah ditentukan atau belum ditentukan maskahwinnya adalah lebih sahih dan menepati kehendak Allah dan RasulNya.

Nota Hujung

- ¹ Fasakh ialah pembatalan perkahwinan oleh isteri kerana kecacatan suami atau suami tidak dapat memberi nafkah, menganiayai, murtad dan sebagainya. Fasakh dilakukan oleh hakim atas permintaan isteri tanpa menunggu persetujuan suaminya.
- ² Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal.144
- ³ 'Abdul Hakim al-Khalifa, *Islamic Ideology: The Fundamental Beliefs*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1965, hal. 32.
- ⁴ Jumlah bilangan permohonan untuk *mut'ah* hanya 3 kes bagi tahun 1983 dan 2 kes sahaja bagi tahun 1984.
- ⁵ Nik Noriani Nik Badli Shah, *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1998, hal.86-87
- ⁶ Ibid.
- ⁷ Husaynī, *Kifāyat al-Akhyār*. Surabaya, Indonesia: Syarikat al-Ma'rif al-Tabi' wa Nasr, juz. 1, (t.t), hal. 81.
- ⁸ Francis Joseph Steingas, *A Learner's Arabic English Dictionary*. Beirut: Librairie du Liban, 1960, hal. 949.
- ⁹ M.Abdul Mujieb et.al, *Kamus Istilah Fiqh*. Selangor: Advance Publication, cet.1, 1997, hal.129
- ¹⁰ Ibn al-Manẓūr, *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabi, jil.8, 1990, hal.238.
- ¹¹ Butrūs al-Bustānī, *Kitāb Muḥiṭ al-Muḥiṭ*. Beirut : Maktabat Lubnan, 1960, hal.837.
- ¹² Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Beirut : Maktabat al-'Ilmiyah, 1985, juz.1, hal. 562. Lihat juga Waḥbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1989, juz. 7, hal. 316
- ¹³ Ibrāhīm Anīs, *Mu'jam al-Wasīf*. Kaherah: Syarikat al-l'ānat al-Syarīqiyyah, 1972, juz.2, hal. 887.
- ¹⁴ H.A.R Gibb & J.H Kramers, *Shorter Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E.J Brill, 1974, hal. 418. Lihat juga Asaf A.A Fyze, *Outlines of Muhammadan Law*. Oxford : University Press, 1964, hal. 113.
- ¹⁵ Ibid, hal. 420.
- ¹⁶ Muḥammad Jawad Maghniyah. *al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Khamsah*. Ter. Afif Muhammad. Jakarta: Basrie Press, 1414H/1994M, hal.16.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Huston Smith, *The Concise Encyclopaedia of Islam*. London: Stacey International, 1989, hal. 291.
- ¹⁹ Thomas Patrick Hughes, *Dictionary of Islam*. New Delhi: Cosmo Publications, 1982, hal.424.
- ²⁰ Huston Smith, op.cit., hal.419. Lihat juga Sayyēd Moḥammad Reḍa Muṣāvi Golpaygani, *Resalah (Epistle)*. Qom : Dār al-Qurān al-Karim, cet.2, 1992, hal.183
- ²¹ Huston Smith, op.cit.
- ²² Butrūs al-Bustānī. op.cit., hal. 945. Lihat Juga Waḥbah al-Zuḥaylī, op.cit.
- ²³ Ibid.
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ Syirbinī, *Muḥnī al-Muhtāj*. Kaherah: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādih, juz 3, 1958, hal. 241.
- ²⁶ Ṣabūnī, *Rawāi' al-Bayān*. Damsyik. Maktabat al-Ghazālī, juz. 1, 1977, hal. 317.
- ²⁷ Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Beirut : Dār al-Ma'rifah, 1971, hal. 613.
- ²⁸ Syāfi'ī, *al-Umm*. Mesir : Maktabat al-Kulliyat al-Azhāriyyah, jilid. 7, 1961, hal. 216. Lihat juga Muḥammad Abū Zahrah, *al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyah*. Kaherah : Dār al-Fikr, juz. 7, cet. 3, 1957, hal. 201.
- ²⁹ Badrān Abū al-'Aynayn, *al-Zawāj wa al-Ṭalāq fī al-Islām*. Iskandariah: Muassasat Syabāb al-Jāmi'ah, 1985, hal. 179.

- ³⁰ Anṣārī, *Fath al-Wahhāb*. Mesir: Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi, 1948, hal. 60.
- ³¹ Qasīmī, *Tafsīr al-Qasīmī al-Musammā Maḥāsini al-Ta'wil*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1994, (3): 619. Lihat juga Ṣabūnī, op.cit., hal. 310-311.
- ³² Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, jilid 2, 1972, hal. 530-536.
- ³³ Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Kaherah: Maṭba'at Dār al-Kutub al-Miṣriyah, 1935, hal.200
- ³⁴ Ibid.
- ³⁵ Ibid.
- ³⁶ Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1974, (6):147.
- ³⁷ Qurṭubī, op.cit., hal. 203
- ³⁸ Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional, 1982, 2:248
- ³⁹ Rāzī, op.cit.
- ⁴⁰ Ṭanṭāwī, *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Mesir : Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi, juz. 1, 1931, hal. 218
- ⁴¹ Fīrūzabādī al-Syirāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi'*. Mesir: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi, juz.2, cet. 3, 1976, hal.81
- ⁴² Hamka, op.cit.
- ⁴³ Qurṭubī, op.cit., hal. 228.
- ⁴⁴ Ibid.
- ⁴⁵ Sayyid Qutb, op.cit.
- ⁴⁶ Fīrūzabādī al-Syirāzī, op.cit, hal.81
- ⁴⁷ Hamka, op.cit., 33:17
- ⁴⁸ Qurṭubī, op.cit., hal.162.
- ⁴⁹ Ibid, hal. 163
- ⁵⁰ Ibid.
- ⁵¹ Qurṭubī, op.cit., hal.205
- ⁵² Hamka, op.cit., hal. 86.
- ⁵³ Ahmad Sonhadji Mohamad, *Tafsir al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997, hal. 4104
- ⁵⁴ Ibid.
- ⁵⁵ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*. Mesir: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabi, juz. 1, (t.t), hal.743
- ⁵⁶ Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabi, 1981, 3/458. Lihat juga Abdul Ghani Azmi Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Sahih*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1998, hal. 646.
- ⁵⁷ Ṣabūnī, op.cit., Lihat juga Qurṭubī, op.cit., hal.202
- ⁵⁸ Mālik bin Anas, *Al-Muwatta'*. Kaherah: Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi, jil. 1-2, 1951, hal. 573.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ Waḥbah al-Zuhaylī, op.cit.
- ⁶¹ Muḥammad Abū Zahrah, *Muḥāḍarat fī 'Aqd al-Zawāj wa Athāruhu*. Kaherah: Jāmi'at al-Duwal al-'Arabiyah, Ma'ahad al-Dirāsāt al-'Arabiyah al-'Āliyah, 1958, hal.200
- ⁶² Ibid.
- ⁶³ Muḥammad Muḥyiddīn 'Abd al-Ḥamīd, *al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*. Mesir: Dār al-Sa'adah, 1966, hal. 235.
- ⁶⁴ Waḥbah al-Zuhaylī, op.cit., hal.316. Lihat juga Ibn Rusyd, *Bidāyat al-Mujtahid*. Kaherah: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādihi, juzu' 2, 1970, hal 72-73.
- ⁶⁵ Ibid., hal. 112. Lihat juga Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Irsyād, juz.4, 1970, hal.217
- ⁶⁶ Syirbīnī, op.cit., juz.3, hal. 243.
- ⁶⁷ Syāfi'ī, op.cit., hal. 255
- ⁶⁸ Badrān Abū al-'Aynayn, op.cit., hal. 91

⁶⁹ Ibn Qudamah, *al-Mughnī*. Riyadh: Maktabat al-Riyādh al-Hadīthah, juz.8, 1981, hal.

52

⁷⁰ Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, op.cit.

⁷¹ Şabūnī, op.cit., hal.317

⁷² Madkūr, *al-Wajīz li Ahkām al-Urah fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyah, 1978, hal.393.

⁷³ Jassās, *Ahkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, jil. 1, 1992, hal. 585 dan Ṭabarī, op.cit., juz. 2, hal. 536 - 537.

⁷⁴ Ḥasyīm Jamīl 'Abd Allah, *Fiqh al-Imām Sa'id ibn al-Musayyib*. Baghdad: Maktabat al-Irsyād, juz.3, 1974, hal.256.